



Rujukan Tuan:

Rujukan Kami: KPM.600-4/1/1 JLD. 9(9)

Tarikh: 21 Disember 2021

Pengarah  
In-VIDE 2021  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik  
Universiti Malaysia Perlis (UniMaP)  
Kampus Pauh Putra  
**02600 Arau, Perlis**

YBrs. Dr.,

**PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PENGLIBATAN MURID BAGI PROGRAM VIRTUAL EXPO OF INNOVATION PRODUCT AND SYSTEM DESIGN 2021 (IN-VIDE 2021) SECARA DALAM TALIAN ANJURAN FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK, UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMaP)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat daripada pihak YBrs. Dr. bertarikh 29 November 2021 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia mengucapkan tahniah atas usaha pihak Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik, Universiti Malaysia Perlis (UniMaP) kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui program secara dalam talian iaitu **Program Virtual Expo of Innovation Product and System Design 2021 (In-VIDE 2021)** yang dilaksanakan pada 01 Oktober 2021 hingga 22 November 2021.

3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian telah menerima serta meneliti laporan penglibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan ialah **Penglibatan I dan Pencapaian Peringkat Kebangsaan**. Markah ini diambil kira dalam pemarkahan penglibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak sekolah perlu merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di lampiran.

4. Sehubungan dengan itu, pihak pengajur dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai nama murid yang terlibat kepada Jabatan Pendidikan Negeri.
5. Sekian untuk makluman dan tindakan pihak YBrs. Dr. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, YBrs. Dr. boleh menghubungi Puan Nurul Shahida bt. Hj. Ahmad di talian 03-8872 1645 atau e-mel [nurul.shahida@moe.gov.my](mailto:nurul.shahida@moe.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(HAJI MUSTAFA BIN SIDI)**  
b.p. Pengarah  
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**LAMPIRAN**

**PENERANGAN PENYELARASAN PENGIKTIRAFAN PEMARKAHAN  
PENGLIBATAN DAN PENCAPAIAN KOKURIKUKULUM MURID DALAM  
PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM  
(PAJSK) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**JENIS PENGLIBATAN**

JENIS	TAFSIRAN
PENGLIBATAN I	Murid yang didaftarkan sebagai atlet/ peserta perkhemahan/ kejohanan/ kursus/ karnival/program pertandingan
PENGLIBATAN II	Pelibatan murid dalam aktiviti seperti: Jawatankuasa pelaksana Petugas Teknikal Persembahan selingan
PENGLIBATAN III	Pelibatan murid yang bersifat meramaikan majlis seperti penyokong, kumpulan sorak dan sebagainya

**SKOR PENGLIBATAN**

PERINGKAT	SKOR		
	Penglibatan I	Penglibatan II	Penglibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/ Sarawak)	12	9	5
Zon/Daerah	11	8	4

**SKOR PENCAPAIAN**

ELEMEN	PERKARA	SKOR				
		PERINGKAT	Johan	Naib Johan	Ketiga	Keempat
TAHAP PENCAPAIAN	Antarabangsa	20	19	18	17	16
	Kebangsaan	17	16	15	14	13
	Negeri	14	13	12	11	10
	Daerah	11	10	9	8	7
	Sekolah	8	7	6	5	4